

Sebak terkenang anak...

Empat bekas murid bantu jaga anak guru tunai ibadah haji



LABBAIKALLAH

Tuan Asri
Tuan Hussein

Makkah

Pada mulanya dia bertutur tenang dan lancar, melahirkan kesyukuran yang amat sangat kerana dipilih menjadi tetamu Allah bagi musim haji tahun ini.

Namun, suara Azlin Ayub, guru dari Kuala Selangor, tiba-tiba tersekat-sekat sebak sebelum dia tidak mampu lagi membendung air mata daripada terus mengalir.

"Perancangan Allah itu memang indah," katanya sambil menahan kesedihan dek kerinduan mendalam terhadap anak lelakinya, Azif Asyraf Badros, 15, yang menghidap penyakit cerebral palsy (CP) yang terpaksa ditinggalkan di tanah air.

Azlin, 46, berkata, anak istimewanya kini dalam jagaan ayah mentua


Abdul Basir Sairi, 60-an, dan empat bekas anak murid yang secara kebetulan cuti semester pengajian di universiti masing-masing.

Ibu kepada lima anak itu ditemui ketika wartawan mengikuti sesi ziarah silaturahmi Unit Bimbingan dan Kaunseling Tabung Haji (TH) di Maktab 75 Hotel Abraj Al-Janadriyah di sini, dengan diketuai Pengurus Kaunseling, Rashidah Ahmad.

Azlin berkata, jika tidak disebabkan keprihatinan empat bekas anak muridnya, mungkin dia, suami dan seorang anak perempuannya yang juga anak sulung tidak dapat menunaikan ibadah haji kali ini.

"Saya hampir tak jadi datang buat haji kali ini sebab tak sampai hati nak tinggalkan anak istimewa saya. Dia dilahirkan menghidap CP sejak kecil dan sentiasa perlukan perhatian.

"Dia tak boleh jalan, tak boleh bercakap dan tak boleh buat aktiviti apapun sendirian. Selain itu, saya ada tiga



BEKAS anak murid yang bergilir-gilir menjaga anak Cikgu Azlina.

lagi anak yang masih kecil. Jadi, saya buntu memikirkan siapa yang nak jaga mereka semua kalau saya pergi buat haji," katanya.

Menurut Azlin, dia kemudian sekadar berkongsi perasaan dan kebuntuan itu dengan bekas anak murid yang masih berhubung dengannya dan tak sangka pula mereka sanggup memikul tanggungjawab itu.

"Syukur kepada Allah SWT. Benar sangat, perancangan Allah itu terbaik. Kini empat anak murid perempuan saya itu bergilir-gilir menjaga anak saya di rumah tanpa sebarang bayaran. Saya benar-benar tersentuh," katanya.

Sementara itu, Rashidah berkata, kes seperti Azlin adalah contoh bagaimana aktiviti ziarah silaturahmi yang dilakukan pihaknya mampu mencungkil permasalahan jemaah haji.

"Alhamdulillah, jemaah kini ramai bersikap terbuka. Mereka sedia berkongsi masalah. Menjadi tanggungjawab kami untuk membantu mereka. Kalau ada masalah

macam mana nak fokus kepada ibadah," katanya.

Turut mengiringi Rashidah dalam ziarah silaturahmi itu, dua Petugas Kaunseling, Muhammad Izuddin Ghazali dan Siti Nordarna Ab Rahman.

Wartawan sempat melihat Siti Nordarna tanpa kekok memberikan nasihat kepada seorang jemaah wanita sejour di kedekati ketika berjalan di koridor tingkat lapan Maktab 74.

Rashidah berkata, tujuh kaunselor di bawah unit itu bertanggungjawab memberi nasihat dan bimbingan kepada jemaah haji dalam pelbagai aspek, termasuk soal mendapatkan talian telekomunikasi untuk mereka menghubungi ahli keluarga.


"Biar pun perkara itu nampak kecil, itu yang menjadi keutamaan kebanyakan jemaah sebaik saja tiba di Tanah Suci. Masing-masing sibuk nak hubungi keluarga di Malaysia, bila tak dapat, mereka mengadu kepada kami," katanya.

Menurutnya, pelbagai pendekatan digunakan pihaknya untuk memberi khidmat nasihat termasuk membuat kunjungan dari bilik ke bilik, sesi kaunseling secara individu atau berkumpulan dan menerima kehadiran jemaah secara walk in.

Beliau berkata, aspek ditandakan ialah pengurusan emosi, penyesuaian dengan rakan sebilik, urusan sendiri termasuk menepati masa dan paling penting fokus terhadap tujuan utama ke sini iaitu untuk beribadat.

Perancangan Allah itu memang indah Azlin

RASHIDAH (kanan) menenangkan Azlin yang sedih teringat anak istimewa yang ditinggalkan di kampung.



ANAK Cikgu Azlina bersama datuk mereka di kampung.

Sumbangan kecil balas jasa Cikgu Lin

Suraya Roslan
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur: "Ini hanya sumbangan kecil untuk membalas jasa Cikgu Lin yang berkorban waktu mengajar kami hingga cemerlang. Selepas berbilang kami bersetuju melapangkan waktu ketika cuti semester demi menjaga empat anak cikgu," kata Nurul Najwani Zailan, 21.

Dia bersama tiga rakan-nya iaitu Norwana Idatul Abd Kadir, Norfarahana Mohamad Kamal dan Hidayatul Huda Kamarul Baharin, masing-masing berusia 21 tahun bergilir-gilir menetap di rumah Cikgu Lin di Kampung Bukit Kuching, Jeram, Selangor sepanjang ketiadaan guru itu yang mengerjakan haji tahun ini.

Empat gadis itu yang masing-masing penuntut Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) nekad menjaga empat anak guru itu iaitu Atiqah Nabilah Badros, 17, Azif Asyraf, 15, Amsyar Darwisy, 10, dan Afrina Damia, 9, selepas melihat guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jeram itu kemungkinan terpaksa melupakan hasrat mahu menunaikan ibadah haji.

Penuntut UM itu berkata, kebetulan mereka berrempat cuti semester dan ketika ditanya Cikgu Lin, mereka rela hati untuk menjaga empat anak guru mereka.

"Anak kedua guru iaitu Azif menghidap Cerebral Palsy (CP) dan dijaga datuknya yang tinggal bersebelahan rumah Cikgu Lin.

"Kami hanya menjaga

sekejap dan yang lain diuruskan datuknya, manakala tiga lagi memang dijaga kami yang bergilir-gilir menetap di rumah ini," katanya yang juga tinggal di kampung sama.

Menurutnya, dia dan Nurwana Idatul akan menjaga setiap Isnin hingga Jumaat manakala dua lagi rakannya menjaga ketika hari minggu kerana mempunyai kerja sampingan.

"Ramadan lalu, ketika kami berkunjung ke rumah Cikgu Lin, dia menyuarakan keresahan hati yang mungkin terpaksa melupakan ibadah haji kerana ketiadaan orang menjaga anaknya.

"Sebaik mendengar perkara itu, kami memaklumkan perkara berkenaan di dalam kumpulan WhatsApp sekolah dan ternyata empat daripada kami sudi untuk bergilir-gilir menjaga anak Cikgu Lin.

"Nasib baik Cikgu Lin beritahu awal. Kami kemudian melapangkan jadual masing-masing ketika cuti semester bagi membolehkan kami menjaga anak cikgu," katanya.

Nurul Najwani berkata, Cikgu Lin yang juga guru Matematik Tambahan dan Matematik ketika mereka di tingkatan empat dan lima banyak berkorban masa untuk anak didik bagi memastikan mereka cemerlang dalam mata pelajaran itu.

"Dia sanggup membuat kelas tambahan khas untuk kami dan usaha ini antara sumbangan kecil kami sebagai membalas jasa Cikgu Lin.

"Diharap Cikgu Lin mendapat haji mabrur dan jangan risau mengenai anaknya kerana kami menganggap mereka seperti adik sendiri dan mampu menjaga dengan baik," katanya.